

Solat duha, zikir dan baca al-Quran rahsia kejayaan

Utusan 4/9/2019.

KUANTAN 3 Sept. - Mengamalkan solat duha, membaca al-Quran dan berzikir menjadi antara rahsia kejayaan penerima Anugerah Kecemerlangan Sultan Ahmad Shah, Nursyazwani Zaidi, 21, pada Istiadat Pemasyhurian Canselor dan Konvokesyen Ke-18 Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah di sini hari ini.

Nursyazwani atau lebih mesra dipanggil Wani berkata, dia tidak mempunyai tip yang khusus dalam pembelajarannya.

“Namun kita perlu mencari alternatif tambahan rohani. Saya melakukan solat duha, membaca al-Quran dan berzikir setiap hari.

“Tidak mampu melakukan banyak, buatlah sedikit tetapi tetap istiqamah. Lakukanlah solat duha seperti kita takut

meninggalkan solat fardu, Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkan solat ini tanpa keuzuran sementara kita sebagai umat Islam amatlah di-

tuntut melakukannya,” katanya ketika berucap dalam majlis istiadat berkenaan di sini hari ini.

Nursyazwani berkata, segala pahit getir dilaluinya dan kejayaan itu juga adalah berkat serta bakti pen-

gorbanan ibu bapanya yang sentiasa memberikan sokongan moral selain material.

“Sekalung penghargaan dan kecintaan yang tidak terhingga buat ibu, Roslina Mohamad serta bapa saya, Zaidi Mat Isa.

“Buat pensyarah dan staf sokongan, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya menyambung pelajaran di sini. Mendidik dan mentarbiyah kami tanpa mengenal erti penat serta jemu,” katanya.



NURSYAZWANI ZAIDI